

04/01/2001

Bermuzakarah untuk perpaduan bangsa Melayu

Khairul Anwar Rahmat

SUDAH acap kali kedengaran cadangan supaya parti politik berteraskan Melayu duduk semeja bagi membincangkan perpaduan Melayu.

Terbaru, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, mencadangkan Umno berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai usaha mengukuhkan perpaduan orang Melayu.

Sudah tentu, Umno yang sejak dari awal penubuhannya memperjuangkan kepentingan Melayu, menerima cadangan itu dengan fikiran lapang dan hati terbuka.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pihaknya bersedia duduk semeja dengan Pas dan Keadilan bagi membincang dan mencari titik pertemuan ke arah memantapkan lagi perpaduan orang Melayu.

Kesediaan Umno melupakan perbezaan fahaman politik dalam hal ini harus dihargai, apatah lagi kesediaan Dr Mahathir menggerakkan usaha memanggil pemimpin parti pembangkang demi perpaduan Melayu di negara ini.

Pimpinan Pas tidak seharusnya menolak cadangan muzakarah ini seperti yang mereka lakukan terhadap cadangan penubuhan Majlis Melayu dua bulan lalu.

Dengan menyifatkan majlis yang dicadangkan itu sebagai satu pembohongan semata-mata, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, ketika itu menolaknya sebagai muslihat Umno.

Pas sepatutnya tidak terburu-buru menolak sebarang usaha oleh Umno untuk membincangkan kaedah bagi menyatupadukan semula orang Melayu yang berpecah ketika ini.

Sebagaimana penolakan mereka terhadap cadangan penubuhan Majlis Melayu sebelumnya, pendirian awal mereka baru-baru ini tidak memberi sedikit pun pertimbangan terhadap manfaat yang boleh diperolehi bersama.

Malah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan usaha Umno untuk bermuzakarah sudah terlambat. Kenyataannya itu membayangkan sikap pemimpin Pas yang angkuh dan tidak mahu memberi ruang kepada Umno membuka jalan kepada perpaduan orang Melayu.

Sebenarnya, masih belum terlambat bagi pemimpin parti politik Melayu bermuzakarah dengan niat ikhlas menyatupadukan bangsa Melayu di bumi sendiri.

Jika tidak, perpaduan yang lemah di kalangan orang Melayu memberi ruang kepada golongan pelampau kaum mengemukakan tuntutan demi tuntutan yang akhirnya akan menghakis ketuanan Melayu di tanah air sendiri.

Bermula dengan usul David Chua yang mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu, golongan ekstrimis Cina seperti Suqiu dan Dong Jiao Zong terus menekan kerajaan dengan tuntutan berbau perkauman yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dalam negara.

Jika musyawarah yang disyorkan ini tidak disegerakan, dikhuatiri akan muncul lebih banyak kumpulan ekstrimis dengan seribu macam tuntutan lain.

Oleh itu, sekarang adalah masa sesuai untuk ketiga-tiga parti politik ini duduk semeja, terutama selepas Suqiu cuba mengganggu-gugat hak istimewa orang Melayu dalam tuntutan 83 perkaranya.

Bangsa Melayu harus sedar perpecahan yang berpanjangan akan menyebabkan daya tawar-menawar yang menjadi kelebihan kaum pribumi akan lenyap.

Dalam jangka masa panjang, bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang paling rugi di bumi sendiri kerana masing-masing fanatik dengan pegangan politik kepartian serta tidak mahu bertolak-ansur.

Seorang ulama dan pendebat Islam terkemuka, Ahmad Hoosen Deedat, pernah berkata keagungan peradaban Islam akan luntur beransur-ansur jika umatnya enggan kembali kepada amalan tradisi, iaitu bermuzakarah bagi menangani sebarang masalah yang dihadapi.

Katanya, pergeseran di kalangan umat Islam sering didasari sikap taksub kepada fahaman atau tarekat tertentu yang pada pemikiran mereka adalah benar.

Menurut Ahmad Deedat, ia adalah punca utama pelbagai bentuk perselisihan yang berlaku di kalangan umat Nabi Muhammad di seluruh dunia hingga membawa permusuhan dan lebih menakutkan lagi, mengakibatkan pertumpahan darah sesamaumat Islam.

Justeru, peperangan paling besar yang sedang dihadapi umat Islam sedunia, termasuk Malaysia, ialah menangkis sikap sombong dan bangga dengan fahaman yang dianuti sehingga sanggup menolak pandangan daripada kumpulan lain yang seagama dengan mereka.

Orang Melayu yang majoritinya beragama Islam perlu mencontohi perjuangan Rasulullah yang lebih banyak menyelesaikan permasalahan melalui rundingan kecuali beberapa perkara tertentu yang mendesak diselesaikan melalui peperangan. Janganlah umat Islam hari ini kembali menjadi kaum jahiliah yang kejam dan sering berbalah hingga membawa pertumpahan darah. Sebaliknya, kita harus banyak bertolak-ansur dan berbincang bagi mengembalikan sejarah kegemilangan Islam.

Bagaimanapun, bermuzakarah dengan Pas dan Keadilan hanya akan membuang masa jika dibuat atas kepentingan peribadi atau politik.

Perkara yang boleh diselesaikan secara aman boleh bertukar menjadi kelam-kabut sedangkan yang bersengketa itu ialah sesama orang Melayu sendiri yang mahu menegakkan syiar Islam, yang mahu menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam yang berjaya.

Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud: "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-Mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-Mu yang lebih mengetahui mengenai siapa yang tersesat daripada jalan-Nya dan Dia yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk." (Al-Nahl: 125)

Ayat di atas menjelaskan bagaimana perbincangan, diskusi, muzakarah serta dialog perlu dijalankan dalam suasana yang penuh kemesraan dan harmoni.

Tidak meninggikan suara serta menggunakan kata-kata kesat dan keji kerana tujuan utama perbincangan itu bukanlah mencari kemenangan tetapi untuk mencari kebenaran.

Firman Allah, bermaksud: "Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang zalim antara mereka." (Al-Ankabut: 46)

Seringkali perselisihan pendapat mengenai sesuatu perkara tertentu berpunca daripada sikap pemimpin yang enggan mengadakan perbincangan terbuka dan ia sering berakhir dengan perpecahan.

Perbincangan secara terbuka dan matang yang dicadangkan ini bukan saja mampu menyelesaikan masalah individu dan kumpulan tertentu, malah dijadikan wadah bagi mengumpul pelbagai idea bernas ke arah memantapkan gagasan orang Melayu.

Konsep perbincangan secara terbuka ini juga perlu diperluas kepada segenap bidang kehidupan kerana ia bukan saja dapat merangkumi pelbagai pendapat, malah melahirkan idea baru ke arah pelaksanaan pembangunan fizikal dan mental orang Melayu secara lebih berkesan.

Soal perpaduan orang Melayu ini juga berkait rapat dengan survival orang Melayu pada masa depan. Sebagai sebuah negara yang menuju kemajuan, sudah tentu kita perlu meredakan perbezaan politik di kalangan orang semua kaum, terutama orang Melayu.

Perbincangan ini juga ditunggu-tunggu oleh banyak pihak kerana jika direalisasikan, membuka satu dimensi baru dalam politik negara.

Sebagai pemimpin parti politik berpengalaman, rakyat mengharapkan mereka melihat gagasan yang lebih besar, iaitu mewujudkan perpaduan yang mantap di kalangan orang Melayu di Malaysia.

Pemimpin parti pembangkang seperti Pas dan Keadilan harus melihat kesediaan Umno ini sebagai satu usaha murni untuk menjernihkan perselisihan yang berlaku antara masyarakat Melayu kini.

Prof Dr Yusof Qardawi dalam bukunya Fiqh Awlawiyyat juga menggariskan aspek perpaduan sebagai satu elemen terpenting dalam kemajuan sesebuah negara, apatah lagi dalam usaha menegakkan syiar Islam.

Sudah tiba masanya parti-parti politik mengetepikan sebarang perkara titik bengik dan dan kembali bersatu dengan gagasan besar demi masa depan orang Melayu.

Pemimpin Pas dan Keadilan mesti memberi penerangan kepada ahli mereka akan kepentingan mengetepikan kepentingan dan ideologi politik masing-masing bagi memastikan ketuanan Melayu tidak digugat, terutama oleh kuasa asing.

Mereka juga tidak seharusnya mengungkit perkara lama yang boleh mengeruhkan lagi keadaan selepas usaha ke arahnya disambut baik oleh Dr Mahathir.

Selaku pemimpin parti berteraskan Melayu, mereka harus melihat bahawa usaha ini disuarakan selepas perpecahan orang Melayu begitu ketara kerana perbezaan ideologi dan kefahaman politik.

Kuasa asing memang mahu orang Melayu berpecah kerana ia akan turut menyebabkan kaum lain berasa bahangnya dan memudahkan mereka menidakkan ketuanan Melayu di negara ini.

Sesungguhnya, sebarang penolakan untuk berbincang demi perpaduan orang Melayu dengan sendirinya menyerlahkan sikap angkuh dan bongkak pemimpin Pas. Bagi mereka yang cintakan bangsa, tidak ada untungnya berpendirian berkenaan pada ketika ketuanan Melayu semakin hari semakin tergugat.

Keengganan dan keangkuhan Pas bukan saja menutup jalan kepada usaha menyelesaikan masalah orang Melayu tetapi juga membuktikan parti itu tidak mempunyai sentimen perpaduan.

Suasana sekarang memang sesuai untuk pertemuan membincangkan perpaduan Melayu, lebih-lebih lagi pada bulan kita merayakan sambutan Aidilfitri sebagai tanda kemenangan selepas sebulan berpuasa.

Kerjasama semua pihak, termasuk pertubuhan agama, kebajikan dan badan bukan kerajaan (NGO), juga diperlukan untuk menjayakan usaha berkenaan.

(END)